

**FENOMENA *AL-TASYABBUH* (PENYERUPAAN)
DALAM SAMBUTAN PERAYAAN MASYARAKAT
MAJMUK DI MALAYSIA**

**The Phenomenon of *al-Tasyabbuh* (Imitation) in the
Festival Celebrations of Malaysia's Plural Society**

**Mohd Anuar Ramli¹
Paizah Hj Ismail²
Ahmad Badri Abdullah³
Mohammad Aizat Jamaludin⁴**

ABSTRACT

This study discusses the issue of Muslim imitation of non-Muslims, particularly in respect of the celebrations of the multicultural society in Malaysia. Recently, arguments have emerged pertaining to the issue of Muslim practices of imitation of non-Muslim celebrations, such as participating in celebration in the temples or churches and wearing the special symbol of a particular religion. In accordance with this, the imitation phenomenon has

¹ Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, mohdanuar@um.edu.my.

² Consultant, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur.

³ Research Assistant, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur.

⁴ Researcher, Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH), Universiti Putra Malaysia.

raised jurisprudential implications for Muslims. This article attempts to analyse this kind of social phenomenon by referring to the traditions of the Prophet PBUH that strictly prohibited this practice. Moreover, this study discusses the patterns of imitation that are permitted and prohibited according to Islamic jurisprudence. The results of this study show there are prohibited imitations being practiced by Muslims in Malaysia, especially in respect of festivals and celebrations.

Keywords: *festival, religious pluralism, culture, integration, imitation (al-tasyabbuh), differentiation (al-tamayyuz)*

PENGENALAN

Masyarakat majmuk merupakan karekter khas masyarakat Malaysia. Kepelbagaian ini selari dengan kelainan bangsa, bahasa, budaya mahupun agama. Setiap kaum mempunyai kepercayaan dan pegangan agama tersendiri. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010, Islam merupakan agama yang berkembang pesat dengan jumlah 61.3%, diikuti Buddha (19.8%), Kristian (9.2%), Hindu (6.3%), Konfucianisme, Tao dan agama tradisi Cina (1.3%), lain-lain agama (0.4%), tiada agama (0.7%) dan tidak diketahui status agama (1%).⁵

Bertitik tolak daripada unsur keragaman ini, usaha saling mengenali (*al-ta'āruf*) perlu dipupuk bagi meningkatkan tahap sensitiviti antara satu sama lain dan dalam masa yang sama syiar Islam dapat diteguhkan. Antaranya dengan medium penganjuran rumah terbuka peringkat nasional, kongsi raya dan dialog antara agama. Ia diamalkan merentasi sempadan keagamaan dan tradisi budaya silam dan diamalkan oleh golongan pemimpin mahupun orang awam.

Pada dasarnya, amalan-amalan ini adalah antara isu yang perlu kepada penelitian hukum yang sewajarnya kerana niat yang murni sahaja tidak cukup untuk menghalalkan sesuatu amalan dalam masyarakat. Ini kerana pandangan Syarak perlu diambil kira bagi mengabsahkan suatu amalan biarpun ia menjadi '*urf*' suatu masyarakat. Barangkali '*urf*' tersebut bersifat *fāsid* (rosak) kerana adanya unsur *tasyabbuh* (penyerupaan) dan boleh jadi juga '*urf*' tersebut adalah

⁵ Jabatan Statistik Malaysia, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=1215&lang=en/, 1 Disember 2012.

ṣahīḥ (benar) dan diterima kerana tiada nas larangan yang jelas daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Justeru, artikel ini akan membincangkan tentang isu-isu *tasyabbuh* dalam masyarakat majmuk di Malaysia dan menggariskan beberapa prinsip asas hubungan sosial dengan orang bukan Islam. Diharap ia dapat dijadikan garis panduan untuk diamalkan oleh masyarakat Islam dalam berhubungan dengan penganut agama lain dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia.

LATAR BELAKANG MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

Malaysia merupakan sebuah masyarakat berbilang bangsa, multi-agama yang mana Islam dominan dari segi politik mahupun budaya.⁶ Masyarakat Malaysia yang ada ditentukan oleh proses sejarah khususnya kedatangan penjajah British ke Tanah Melayu.⁷ Melalui dasar “pintu terbuka”, Tanah Melayu menjadi tumpuan golongan imigran dari China, India dan Indonesia.⁸ Aliran penduduk ini merupakan asas utama terdapatnya komposisi ras dan etnik di negara-negara yang pernah dijajah.⁹

Menurut T.G. Mc Gee, terdapat lima peringkat penempatan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.¹⁰ Fasa ketiga penempatan penduduk di Tanah Melayu berkait rapat dengan kedatangan kolonial Inggeris. Peringkat ini merupakan proses kebanjiran pendatang Cina, India dan Indonesia yang datang beramai-ramai untuk memenuhi keperluan guna tenaga penjajah.

⁶ Fred R. von Der Mehden, “Malaysia : Islam and Multi Ethnic Politics”, dalam John L. Esposito (ed.), *Islam in Asia : Religion, Politics and Society* (New York : Oxford University Press, 1987), 177.

⁷ Edmund Terence Gomez, “Tracing the Ethnic Divide: Race, Rights and Redistribution in Malaysia”, dalam Joanna Pfaf-Czarnecka *et al.* (eds.), *Ethnic Futures: The State and Identity Politics in Asia* (London : Sage Publications, 2000), 168.

⁸ Collin E.R. Abraham, *Divide and Rule: The Roots of Race Relations in Malaysia* (Kuala Lumpur: Institute for Social Analysis (INSAN), 1997), 2-3.

⁹ Malcolm Caldwell, “The British Forward Movement 1874-1914”, dalam Mohamed Amin & Malcolm Caldwell (eds.), *Malaya: The Making of a New Colony* (Nottingham : Spokesman Books, 1977), 29.

¹⁰ T.G. Mc Gee, “Population: A Preliminary Analysis”, dalam Wang Gungwu (ed.), *Malaysia: A Survey* (London: Frederick A. Praeger, 1965), 69-72.

Fasa ini merupakan permulaan pembentukan masyarakat majmuk (*plural society*) seperti mana huraian J.S. Furnivall.¹¹ Beliau menyarankan idea bahawa dalam masyarakat majmuk terdapat beberapa masyarakat yang tinggal sebelah menyebelah di dalam satu unit politik yang sama tetapi dalam beberapa hal, hidup mereka terpisah. Setiap masyarakat mempunyai kepercayaan agama, kebudayaan, bahasa, idea dan cara hidup yang tersendiri. Pembahagian masyarakat atau kaum ini berlanjutan dalam sektor ekonomi di mana terdapat pembahagian jenis pekerjaan berasaskan bangsa.¹² Pendek kata, masyarakat majmuk yang berkembang di Malaysia boleh dilihat dalam empat dimensi iaitu politik, ekonomi, sosial dan budaya.¹³ Hasilnya, berlaku pengkhususan (*specialisation*) pekerjaan, pengasingan (*segregation*) tempat tinggal, pemisahan proses sosialisasi dan mobiliti, dan pemencilan (*isolation*) budaya.¹⁴

Pengkhususan pekerjaan semakin kurang jurangnya masa kini. Dahulu orang Melayu bekerja dalam sektor pertanian di sawah padi, orang Cina di lombong dan perniagaan dan orang India sebagai buruh di estet dan ladang getah. Namun kini orang Melayu banyak terlibat dalam sektor awam (kerajaan), orang Cina dalam perniagaan dan orang India dalam perubatan, guaman, selain di ladang. Manakala dari segi pengasingan tempat tinggal, suasana kini lebih terbuka dan bebas berbanding masa silam. Dahulu orang Melayu tinggal di kampung dan pedalaman, orang Cina di kawasan lombong dan bandar, dan orang India di estet dan ladang getah. Tetapi kini kawasan penempatan lebih terdedah kepada interaksi pelbagai kaum. Orang Melayu, Cina dan India bersama-sama tinggal di kawasan bandar dan pinggir bandar. Selain itu, dari aspek pemisahan sosialisasi dan mobiliti, proses interaksi kini lebih baik berbanding dahulu. Dengan pertemuan dalam dunia pekerjaan dan perkongsian kawasan tempat tinggal, generasi kini telah berinteraksi dengan lebih berkesan dan saling mengenali antara satu sama lain. Begitu juga dalam aspek pemencilan budaya, dahulu tiap kaum hanya mengenali dan memahami budaya masing-masing dalam batasan geografi dan budaya yang terhad, namun kini proses sosialisasi dalam masyarakat majmuk telah mendedahkan mereka dengan budaya dan pantang larang antara satu kaum sama lain.

¹¹ Dikemukakan oleh J.S. Furnivall, seorang ahli ekonomi kolonial.

¹² John Sydenhem Furnivall, *Netherlands India: A Study of Plural Economy* (Cambridge: Cambridge University Press, 1967), 446.

¹³ Maurice Freedman, "The Growth of a Plural Society in Malaya" dalam *Pacific Affairs* (Canada, vol. 33, 1960), 159.

¹⁴ Alvin Rabushka, *Race and Politics in Urban Malaya* (California: Hoover Institution Press, 1973), 19-27.

Justeru itu, masyarakat majmuk yang ada kini berbeza dengan apa yang dihuraikan oleh sarjana awal seperti Furnivall. Jurang yang memisahkan antara kaum semakin minimum. Namun begitu, ini tidak bermakna tiada sebarang konflik yang timbul dalam masyarakat Malaysia. Dengan itu, usaha saling mengenali (*al-ta'āruf*) ini perlu dipertingkatkan lagi agar masyarakat Malaysia sentiasa berada dalam keadaan damai lagi harmoni.

BENTUK KEAGAMAAN DAN PERAYAAN DI MALAYSIA

Dalam konteks masyarakat Malaysia, agama mempunyai hubungan rapat dengan pengenalan etnik.¹⁵ Etnik Melayu merupakan penganut Islam, etnik Cina kebanyakannya Buddha dan agama tradisional Cina lain. Etnik India secara asasnya penganut Hindu.¹⁶ Kristian merupakan agama multi-etnik yang semakin berkembang di mana kaum Cina dan India adalah golongan majoriti Kristian Malaysia.¹⁷ Golongan bukan Islam di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu, bukan Islam bumiputera yang terdiri daripada orang Asli, Sabah serta Sarawak dan kedua, bukan Islam yang bukan bumiputera yang dibawa masuk oleh penjajah kalangan orang Cina dan India.

Pada dasarnya, terdapat dua kumpulan agama utama, iaitu agama Samawi dan agama budaya. Agama Samawi merujuk kepada agama yang berdasarkan wahyu Ilahi pada asalnya seperti agama Islam dan terdapat penyelewengan selepas tempoh waktu tertentu seperti agama Kristian dan Yahudi. Hari raya agama Samawi di Malaysia adalah Hari Raya Puasa (Aidilfitri) dan Hari Raya Aidiladha bagi orang Islam; manakala sambutan hari Krismas bagi orang Kristian. Manakala agama budaya adalah agama yang lahir daripada budaya masyarakat. Ciri-ciri agama budaya:¹⁸

1. Tidak disampaikan oleh Nabi atau Rasul.
2. Tidak memiliki kitab suci yang diwarisi oleh Nabi.

¹⁵ Hussin Mutalib, *Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State* (Singapura: Singapore University Press, 1993), 107.

¹⁶ Ahmad F. Yousif, *Religious Freedom, Minorities and Islam: An Inquiry into the Malaysian Experience* (Batu Caves: Thinker's Library, 1998), 56-57.

¹⁷ Batumalai Sadayandy, *A Malaysian Theology of Muhibbah: A Theology for a Christian Witnessing in Malaysia* (Kuala Lumpur: Seminari Teologi Malaysia, 1990), 13.

¹⁸ Sidi Gazalba, *Maut, Batas Kebudayaan dan Agama* (Jakarta: Tintamas, 1972), 105.

3. Sistem merasa dan berfikir agama inheren dengan sistem merasa dan berfikir dari tiap segi kehidupan masyarakat.
4. Berubah dengan perubahan akal masyarakat yang menganutnya.

Daripada kepercayaan ini, lahir beberapa bentuk perayaan yang mewakili cara hidup masing-masing. Contoh hari raya agama budaya di Malaysia adalah sambutan Deepavali dan Thaipusam bagi orang India; sambutan Tahun Baru Cina, Pesta Tanglung, Wesak bagi orang Cina; sambutan Vasakhi bagi orang Sikh, Pesta Gawai bagi orang Iban di Sarawak dan Pesta Kaamatan bagi orang Kadazan Dusun di Sabah.

Pendek kata, setiap perayaan mempunyai konotasi keagamaan manifestasi daripada akidah tauhid dan setiap amalan adalah berhubung kait dengan ibadah. Situasi ini berbeza dengan agama Samawi yang mengalami proses penyelewengan seperti agama Kristian di Malaysia kerana ia telah diresapi dengan doktrin sekularisme dan tidak lagi berasaskan konsep tauhid, bahkan trinititi. Agama Kristian yang wujud pada hari ini adalah ajaran yang telah diasaskan oleh Paul¹⁹ bukannya berasaskan ajaran Nabi 'Isa a.s.²⁰

Sedangkan agama budaya adalah ciptaan manusia berasaskan keterbatasan akal hasil dari interaksi dengan alam sekeliling dan ia bercorak tempatan. Keadaan ini berikutan agama adalah hasil dari budaya. Justeru, agama adalah budaya dan perayaan yang lahir dari kepercayaan tersebut adalah sebahagian dari agama budaya masyarakat. Ini menunjukkan wujudnya dikotomi dalam apa yang dikatakan sebagai perayaan berbentuk keagamaan dan sambutan yang tiada hubung kait dengan keagamaan malah adat dan cara hidup masyarakat semata-mata.

ISU KONTEMPORARI DALAM MASYARAKAT MALAYSIA

Dalam realiti hari ini, terdapat berbagai-bagai amalan yang dilakukan dalam rangka memupuk perpaduan antara kaum dan agama.²¹ Antara amalan tersebut

¹⁹ K.H. Hasbullah Bakry, *Jesus Christ in the Quran, Muhammad in the Bible* (Kuala Lumpur: S.A. Majeed, 1990), 51.

²⁰ Paul pada asalnya merupakan pengikut Nabi 'Isa a.s. tetapi menyeleweng selepas pengangkatan Nabi 'Isa. Beliau berasal daripada kaum Yahudi iaitu daripada suku Benjamin yang menganut mazhab Farisi. Mazhab ini merupakan satu aliran yang fanatik kepada undang-undang Yahudi dan anti kepada agama Kristian. Lihat Agus Hakim, *Perbandingan Agama* (Bandung: Penerbit Diponegoro, 1990), 93.

²¹ Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. "Interaction of Plural Society in Malaysia: Diatribe or Dialogue", *World Journal of Islamic History and Civilization*, 2012, 2 (1): 53-57.

adalah kongsi raya, rumah terbuka, mengunjungi rumah ibadat agama lain di musim perayaan, saling bertukar ucapan selamat dan pemberian, memakai pakaian kaum lain, memakai pakaian keagamaan seperti Santa Claus, dan seumpamanya. Amalan ini tidak terdapat di kebanyakan negara lain yang mana setiap kaum merayakan perayaan masing-masing tanpa melibatkan kaum lain. Sebagai contoh di negara India, penganut Hindu tidak dapat hidup bersama orang Islam dan orang Sikh, tetapi di Malaysia, setiap kaum, kepercayaan dan amalan perayaan bebas dipraktikkan dan hidup dalam suasana yang harmoni. Dengan demikian, perasaan saling memusuhi, membenci dan mencurigai antara penganut agama dapat diminimumkan.²²

Dewasa ini munculnya amalan-amalan baharu dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia yang memperlihatkan berlakunya fenomena *tasyabbuh* ini. Antara yang jelas dapat diperhatikan adalah amalan-amalan berikut yang kini mula menjadi norma dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia iaitu, amalan menyalakan api dalam majlis-majlis tertentu, memakai pakaian kaum dan agama lain dan menyertai orang bukan Islam dalam perayaan mereka di rumah ibadat.

Amalan menyalakan api atau pelita telah lama dipraktikkan oleh masyarakat Melayu Islam di Malaysia, khususnya bagi menyambut hari atau peristiwa yang istimewa seperti pada malam-malam bulan Ramadan atau malam Hari Raya Aidilfitri. Ia merupakan hasil daripada proses asimilasi dan interaksi masyarakat Melayu dengan kaum lain khususnya India sehingga menyebabkan berlakunya pemindahan budaya dan amalan tertentu.²³

Namun, kebelakangan ini juga telah muncul amalan menyalakan api dalam majlis-majlis himpunan yang bertujuan memperingati hari-hari tertentu, peristiwa-peristiwa khusus ataupun memperingati tokoh-tokoh atau individu yang telah terkorban dalam kejadian tertentu. Upacara ini kebiasaannya dilaksanakan oleh pelbagai pihak seperti aktivis masyarakat, parti-parti politik dan juga badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang melibatkan pelbagai kaum, Islam dan bukan beragama Islam. Kini, amalan ini dilihat sebagai salah satu cara untuk memperlihatkan keprihatinan terhadap sesebuah peristiwa atau tokoh-tokoh yang terkorban dalam perjuangan mereka khususnya yang melibatkan perjuangan membela hak rakyat bawahan atau hak asasi manusia. Ia semakin menular di kalangan umat Islam di Malaysia masa kini walau amalan menyalakan api ini sebenarnya berasal daripada amalan agama lain seperti Hindu dan Kristian.

²² H. Abuddin Nata, *Peta Keragaman Pemikiran Islam di Indonesia* (Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, 2001), 201.

²³ Neil Joseph Ryan, *The Cultural Heritage of Malaya* (Kuala Lumpur: Longman, 1975), 105.

Dalam agama Hindu iaitu pada hari perayaan Deepavali, biasanya mereka akan memasang pelita yang disusun dalam barisan. Pemasangan pelita ini mempunyai falsafah keagamaan tertentu iaitu melambangkan kejayaan kebaikan mengatasi kejahatan, berkaitan dengan lagenda dalam agama Hindu iaitu peristiwa Raja Naragasura yang kejam dan selalu memeras rakyatnya telah dikalahkan dan dibunuh oleh Maha Krishnan.²⁴ Amalan ini juga dikaitkan dengan perayaan Easter di dalam agama Kristian. Menurut *Encyclopedia Britannica*, perayaan Easter adalah untuk meraikan kelahiran semula Jesus Christ pada hari ketiga selepas disalib.

Hasil Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-88 yang bersidang pada 2 Oktober 2009 yang telah membincangkan Hukum Penglibatan Orang Islam Dalam Aktiviti Candlelight Vigil, aktiviti ini adalah haram bagi orang Islam. Ini kerana api atau cahaya menjadi satu perkara yang amat signifikan bagi agama-agama bukan Islam terutamanya bagi agama majoriti di negara ini iaitu Kristian, Hindu dan Buddha. Amalan Candlelight Vigil khasnya atau kuasa cahaya atau api amnya mempunyai perkaitan langsung dengan ketiga-tiga agama tersebut.²⁵

Selain itu, terdapat juga amalan memakai pakaian yang khusus bagi agama lain khususnya di musim perayaan. Contoh ketara yang dapat dilihat adalah pemakaian pakaian Santa Claus oleh umat Islam pada musim sambutan perayaan Krismas. Obsesi terhadap perayaan ini menyebabkan orang Islam tanpa segan silu memakai pakaian tersebut.

Begitu juga dalam isu menghadiri rumah ibadat atau menyertai perayaan keagamaan orang bukan Islam, contohnya penyertaan orang Islam dalam sambutan Thaipusam dan Ponggal. Akibat perubahan suasana politik yang drastik berlaku di Malaysia dewasa ini, dan demi memperolehi sokongan yang besar, para pemimpin parti-parti politik berlumba-lumba dalam usaha mereka memperlihatkan bahawa komitmen mereka dalam memperjuangkan hak pelbagai kaum dan agama di Malaysia. Mereka turut hadir bersama meraikan penganut agama lain di rumah ibadat mereka.

Semua amalan ini adalah bersalahan dengan peruntukan dalam agama Islam yang melarang perbuatan berkenaan dan merupakan salah satu gejala *tasyabbuh* yang kini sedang meluas dalam masyarakat Islam di Malaysia. Ditakuti dengan sikap *ta'aruf* yang berlebihan ini akan menyebabkan fenomena pluralisme agama menjadi kebiasaan bagi masyarakat Islam di Malaysia.

²⁴ Phil Scanton, Jr., *Southeast Asia: A Cultural Study Through Celebration* (Northern De Kalb: Illinois University for Southeast Asia Studies, 1985), 49; Siti Rahmah Idris & Fatimah Az-Zahra, *Orang India* (Petaling Jaya: Penerbit Pinang, 1996), 23-24.

²⁵ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-penglibatan-orang-islam-dalam-aktiviti-candlelight-vigil/>, 1 Disember 2012.

TASYABBUH YANG DILARANG DAN YANG DIBENARKAN DALAM ISLAM

Secara literalnya, perkataan *tasyabbuh* berasal dari bahasa Arab, akar katanya *sya-ba-ha*. Ia merujuk kepada penyerupaan kepada sesuatu, persamaan warna dan sifat. Disebut juga *syibh*, *syabah*, dan *syabih*.²⁶ Menurut *Mu'jam al-Mujīz*, perkataan *tasyabbaha* adalah bermaksud menyerupai antara sesuatu dengan yang lain sehingga mengelirukan.²⁷ Menurut Ibn Manzūr, suatu objek itu menyerupai atau menyamai dengan sesuatu yang lain.²⁸

Dari segi istilahnya, menurut al-Ghazī, *tasyabbuh* adalah ungkapan yang menunjukkan upaya manusia untuk menyerupakan dirinya dengan sesuatu yang diinginkan dirinya serupa dengannya, dalam hal tingkah laku, pakaian, atau sifat-sifatnya. Jadi *tasyabbuh* adalah ungkapan tentang tingkah laku yang diinginkan dan dilakukannya.²⁹

Menurut al-Munawī pula, *tasyabbuh* bermaksud berhias seperti mana mereka berhias, berusaha mengenali sesuai dengan perbuatan mereka, berakhlak dengan akhlak mereka, berjalan seperti mereka berjalan, menyerupai mereka dalam berpakaian dan sebahagian perbuatan mereka. Adapun *tasyabbuh* yang sebenarnya adalah bertepatan dari segi aspek zahir dan batin.³⁰

Kedua-dua pentakrifan tersebut tidak ada banyak perbezaan, tetapi menurut al-Luwayhiq, huraian al-Munawī adalah tepat untuk menjelaskan *tasyabbuh* yang dilarang saja. Manakala takrifan al-Ghazī pula lebih mencakupi seluruh jenis *tasyabbuh* sama ada yang telarang mahupun yang tidak telarang.

Menurut Asyraf bin 'Abd al-Hamid Barqa'an dalam mentakrifkan *tasyabbuh* sebagai penyerupaan orang Muslim terhadap orang kafir pada sesuatu perkara yang tidak termasuk dalam kategori *maṣlahah* yang muktabar.³¹ Keunikan yang terdapat dalam takrif ini adalah pendekatan untuk mengeluarkan perkara-perkara yang merupakan *maṣlahah al-mu'tabarah* iaitu *maṣlahah* yang diiktiraf oleh nas-nas syarak daripada kategori *tasyabbuh* yang dilarang

²⁶ Aḥmad Faris, *Mu'jam Maqāyis al-Lughah* (Beirūt: Dār al-Jayl, 1411), iii. 243.

²⁷ *Al-Mu'jam al-Mujīz* (Mesir: al-Majma' al-Lughah al-'Arabiah, 2002).

²⁸ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Beirūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-Arabī, 1999), vii. 24.

²⁹ Muḥammad b. Muḥammad al-Ghazī, *Ḥusn al-Tanabbuh Limā Warada fī al-Tasyabbuh* (t.t.p: t.p., n.d., Manuskrip), 2.

³⁰ Muḥammad 'Abd al-Ra'uf al-Munawī, *Faid al-Qadīr Syarḥ Jami' al-Saghīr* (Beirūt: Dār al-Ma'rifah, 1408), 6.

³¹ Asyraf bin 'Abd al-Ḥamīd Barqa'an, *Maẓāhir al-Tasyabbuh fī al-'Aṣr al-Ḥadīth wa Atharuhā 'alā al-Muslimīn* (t.t.p: t.p., n.d.), 17.

atau diharamkan. Ini bertepatan dengan konsep *tasyabbuh* pada perkara yang mendatangkan manfaat. Oleh yang demikian, setiap perkara sama ada dari segi ilmu, teknologi, kemahiran atau penemuan-penemuan saintifik baharu yang bermanfaat dan merupakan *maṣlahah* yang diiktiraf oleh syarak mengenai kemanfaatannya, maka ia terkeluar daripada kategori *tasyabbuh* yang dilarang walaupun ia berasal daripada orang bukan Islam. Prinsip ini diambil daripada peristiwa Rasulullah SAW mengaplikasikan teknologi mengorek parit ketika perang Khandak yang pada hakikatnya berasal daripada amalan orang bukan Islam di Parsi.³²

Al-Luwayhiq merumuskan *al-tasyabbuh* sebagai seseorang yang membebani diri untuk menyerupai selainnya berkenaan dengan segala sifat atau sebagainya. Perkataan “membebani diri” menunjukkan bahawa maksud berkeinginan dan sengaja. Dengan demikian tidak termasuklah segala sesuatu yang tidak sengaja, seperti serupanya seorang lelaki dengan wanita dalam tingkah-laku dan suara kerana tabiat yang tercipta tanpa adanya niat dan keinginan.³³

Begitu juga, seseorang Muslim menyerupai bukan Islam dalam segala bentuk dan sifatnya, sama ada dari sudut kepercayaan, amalan, kebudayaan atau tingkah laku.³⁴ Ini kerana menyerupai mereka bererti menunjukkan rasa cinta dan cenderung kepada mereka.³⁵

Terdapat beberapa golongan yang dilarang untuk umat Islam meniru dan menyerupainya. Ini adalah kerana terdapat ayat-ayat al-Quran, hadis-hadis Nabi Muhammad SAW yang menyuruh untuk menyelisih dan berbeza dengan orang bukan Islam. Maksud hadis sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia sebahagian daripada mereka adalah umum. Ia termasuklah menyerupai kaum bukan Muslim, kaum *‘Ajam*, syaitan dan sebagainya sama ada baik ataupun tidak baik. Namun begitu, terdapat nas-nas yang khusus, yang menggalakkan umat Islam menyelisihinya.

Orang bukan Muslim adalah seseorang yang tidak percayakan Allah SWT dan RasulNya. Secara bahasa pula bermaksud seseorang yang ingkar terhadap kebenaran Islam dan keluar dari agama Islam.³⁶ Kafir terdiri daripada berbagai

³² Abū Muḥammad ‘Abd al-Mālik Ibn Hisyām Ibn Ayyūb al-Humayr, *Sīrah al-Nabawīyyah lil Ibn Hisyām* (Beirut: Dār al-Iḥyā al-Turath al-‘Arabī, 1990), iv. 182.

³³ Jamīl Habīb al-Luwayhiq, *al-Tasyabbuh al-Manhi ‘anhu fī al-Fiqh al-Islāmī* (Umm al-Qurā: Wizarah Ta’līm ‘Alī, 1417), 20.

³⁴ Salih Fauzan, *‘Aqīdah Tauhīd* (Riyāḍ: Dār al-Qāṣim, n.d.), 185.

³⁵ ‘Abd Allāh bin Abdul Azīz al-Tuwayjirī, *al-Bida’ al-Hawliyah*, (terj.) Munirul Abidin (Jakarta: Darul Falah, 2000), 118.

³⁶ Abdul Azis Dahlan, *Ensiklopedia Hukum Islam* (Jakarta : PT Intermasa, 2006), iii. 856.

golongan, antaranya ialah penyembah berhala (*wathanī*) dan penyembah api (*Majusi*).³⁷ Terdapat pelbagai jenis kafir menurut ulama Mutakallimin antaranya kafir *'inād* (kafir *mu 'ānadah*), kafir ingkar, kafir *juhud*, kafir *nifaq*, kafir *ni'mah*. Namun menurut ulama fiqh pula kafir terdiri daripada kafir *harbī*, kafir *kitābī*, kafir *mu 'āhid*, kafir *musta'min*, kafir *dhimmī*, dan kafir *riddah*.³⁸

Sesungguhnya al-Quran telah menyatakan bahawa sikap orang kafir yang terlalu mengikut hawa nafsu dalam sesuatu perkara walaupun setelah datang kepada mereka ilmu. Mengikut hawa nafsu tidak membawa kepada kebaikan tetapi menuju kepada kesesatan. Sehubungan dengan itu, diutuskan Rasulullah SAW dengan syariat tersendiri iaitu Islam. Disuruh untuk mengikutinya dan dilarang menuruti hawa nafsu.³⁹ Selain mereka menjadikan hawa nafsu sebagai petunjuk, mereka juga tidak senang melihat umat Islam berpegang dengan agama Islam. Firman Allah SWT:

وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ

“Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan reda kepada kamu hingga kamu mengikuti agama mereka.”

(Surah al-Baqarah, 2: 120)

Pada ayat di atas, Allah SWT memberi khabar dengan mengungkapkannya dengan kata *millatahum*, tetapi ketika melarang, Allah SWT mengungkapkan dengan kata *ahwa'ahum*, kerana kaum Nasrani dan Yahudi tidak akan senang kepada kamu kecuali mengikuti agama mereka secara mutlak. Maka sebab itu, Allah SWT melarang untuk mengikuti hawa nafsu keinginan mereka.⁴⁰

Oleh kerana itu, umat Islam dilarang keras untuk mengikuti hawa nafsu sama ada banyak ataupun sedikit. Ini kerana dengan mengikuti hawa nafsu bererti kita telah mengikuti orang bukan Islam termasuklah dalam perkara agama.⁴¹ Maka hendaklah umat Islam takut dengan mengambil golongan kafir sebagai contoh kerana sesiapa yang mengingkari apa yang dibawa Rasul disediakan baginya azab yang keras. Termasuk dalam mengikuti adalah dengan menyerupai mereka kerana menyerupai mereka bererti mengikuti keinginan

³⁷ Muḥammad Abd al-Wahhāb, *Masā'il al-Jāhiliyyah al-Latī Khalafa Rasūlillah Ahl al-Jāhiliyyah* (Kaherah: Maktabah al-Salafiyah, 1397H), 36.

³⁸ Abdul Azis, *Ensiklopedia Hukum Islam*, 856.

³⁹ 'Abd al-Rahmān 'Abd al-Jabbār, *Muhadhdhab Iqtidā' al-Sirāt al-Mustaqīm Mukhalafah Ashāb al-Jahīm* ('Amman: Dār al-Bashir, 1996), 37.

⁴⁰ Ibn Taymiyyah, *Iqtidā' al-Sirāt al-Mustaqīm Mukhalafah Ashāb al-Jahīm* (Riyāḍ: Dār Isbīliya, 1998), 99.

⁴¹ 'Abd al-Jabbār, *Muhadhdhab*, 38.

mereka. Maka, orang-orang kafir senang jika orang-orang Islam menyerupai sebahagian daripada urusan mereka. Ini disebabkan dengan menyerupai mereka dalam satu urusan boleh menjadi pendorong untuk menyerupai dalam hal-hal lain.⁴²

Nabi SAW, para Sahabat dan ulama melarang mana-mana umat Islam daripada meniru orang kafir. Rasulullah SAW bersabda:⁴³

مَنْ تَشَبَهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

“Barangsiapa yang menyerupai suatu kaum, maka dia termasuk darinya”

Hadis di atas menetapkan bahawa haramnya meniru mereka dan secara zahir menunjukkan bahawa perbuatan itu merupakan perbuatan kufur. Ia juga menjelaskan sesiapa yang menyerupai atau meniru orang fasik atau orang kafir atau orang yang berbuat *bid'ah* dalam perkara yang dikhususkan oleh mereka atau selainnya maka dia akan menjadi sebahagian daripada mereka⁴⁴ walaupun tidak menyatakannya secara terus terang dan walaupun tidak melahirkan rasa cinta.⁴⁵ Lebih parah lagi, apabila seseorang itu mempunyai keyakinan yang sama seperti dengan kaum kafir, maka dia telah kafir. Namun jika seseorang itu tidak beriktikad seperti mereka, maka terdapat *khilaf* dalam kalangan para ‘ulama. Pendapat pertama mengatakan mereka kafir (seperti zahir hadis yang menunjukkan sebahagian daripada mereka itu), dan pendapat kedua menyatakan tidak kafir tapi perlu diberi pengajaran.⁴⁶

‘Abd al-Muhsin al-‘Abbād dalam memberi komentar serta huraian beliau mengenai hadis berkenaan dengan menyatakan bahawa:

“Hal ini merupakan celaan bagi sesiapa yang menyerupai kuffar, kerana penyerupaan pada zahir boleh membawa kepada kecenderungan pada dalaman dan batin (i’tikad) dan maksud tasyabbuh tersebut adalah dalam sesuatu yang menjadi keistimewaan mereka, dan sesuatu yang menjadi ciri-ciri (yang khusus) bagi mereka, adapun perkara-perkara yang menjadi

⁴² Ibn Taymiyyah, *Iqtidā’ al-Širāṭ al-Mustaqīm*, 98.

⁴³ Abū Dawūd Sulaiman b. al-Asy’ath al-Sajistanī, *Sunan Abī Dawūd* (‘Amman: Bayt al-Afkār al-Duwalayah, n.d.), 441.

⁴⁴ ‘Abd Allah al-Sa’dī al-Ghamidī, *Tahzir al-Muslimīn min al-Tasyabbuh bi al-Maghḍūb bi ‘alaih wa lā al-Ḍāllīn* (al-Kitābiyat al-Islamiyyah, n.d.), 24.

⁴⁵ Al-Tuwayjirī, *al-Bida’ al-Ḥawliyah*, 118.

⁴⁶ Muḥammad Ismail, *Subul al-Salām Syarḥ Bulūgh al-Marām* (Lubnan: Beirut, 2002), iv. 321.

tuntutan dalam Islam seperti persiapan perang, dan memberi perhatian dalam perkara-perkara yang bermanfaat (seperti teknologi dan lain-lain) maka perkara ini adalah sesuatu yang menjadi tuntutan, akan tetapi perkara yang diharamkan dan terlarang adalah keadaan dalam urusan pakaian dan gaya (trend) atau apa yang membawa kepada hal tersebut."⁴⁷

Melalui penelitian terhadap komentar *tasyabbuh* di dalam hadis ini dapat disimpulkan bahawa *tasyabbuh* yang dilarang dan yang mendatangkan implikasi 'menjadi sebahagian daripada mereka' adalah penyerupaan dalam bentuknya yang menyeluruh iaitu dari segenap aspek sifat luaran, fesyen, dan perlakuan sepertimana yang ditegaskan oleh al-Ghazī dan al-Munawī. Manakala bagi penyerupaan yang tidak menyeluruh (*al-tasyabbuh al-juz'iy*) pula, implikasinya tidak seperti yang dinyatakan di dalam hadis berkenaan iaitu digolongkan di kalangan orang kafir. Akan tetapi sudah pasti perbuatan tersebut tidak terlepas daripada digolongkan sebagai berdosa dan masih dianggap sebagai sebuah kesalahan menurut ajaran agama dan adat resam. Ini turut ditegaskan oleh Ibn Taymiyyah dalam memberi komen mengenai hadis ini. Beliau berpandangan kesan minimum daripada hadis ini iaitu hukum haram bagi perbuatan menyerupai mereka (orang kafir) walaupun secara zahirnya ia seakan menghukum kafir terhadap setiap perbuatan menyerupai mereka itu (orang kafir).⁴⁸

Walau bagaimanapun, terdapat juga kategori *tasyabbuh* yang dibenarkan oleh Syarak. Ini merujuk kepada huraian 'Abd al-Muhsin al-'Abbad terhadap hadis yang disebutkan iaitu beliau menyentuh mengenai *tasyabbuh* yang dibenarkan dalam pandangannya, iaitu:

"Adapun perkara-perkara yang menjadi tuntutan dalam Islam seperti persiapan perang, dan memberi perhatian dalam perkara-perkara yang bermanfaat maka perkara ini adalah sesuatu yang menjadi tuntutan,"⁴⁹

Larangan Nabi SAW tentang *al-tasyabbuh* diperkuatkan lagi dengan tegahan Allah SWT sebagaimana firmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْيَهُودَ وَالنَّصَرَىٰ أَوْلِيَاءَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ
مِّنْكُمْ فَإِنَّهُ مِنْهُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥١﴾

⁴⁷ 'Abd al-Muhsin al-'Abbad, *Syarḥ Sunan Abī Dawūd*, (n.p., n.d.), vi. 452.

⁴⁸ Ibn Taymiyyah, *Iqtida' Sirat al-Mustaqim*, 670.

⁴⁹ Al-'Abbad, *Syarḥ Sunan Abī Dawūd*.

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani itu sebagai teman rapat, kerana setengah mereka menjadi teman rapat kepada setengahnya yang lain; dan sesiapa di antara kamu yang menjadikan mereka teman rapatnya, maka sesungguhnya ia adalah dari golongan mereka itu mereka itu. Sesungguhnya Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum ang berlaku zalim.”

(Surah al-Mā'idah 5: 51)

Nabi SAW dengan tegas memerintahkan orang Islam untuk tampil berbeza dengan penampilan orang-orang Yahudi dan Nasrani dalam semua perkara. Antaranya sabda Rasulullah SAW⁵⁰:

خالفوا المشركين، أحفوا الشوارب وأوفوا اللحى

“Berbezalalah dengan orang musyrikin. Potonglah misai dan biarkanlah janggut”

Rasulullah SAW secara mutlak memerintahkan untuk berbeza dengan orang-orang musyrik, kemudian menambah, “potonglah misai dan biarkan janggut.” Kalimah ini menjadi pengganti dari kalimah pertama iaitu “berbezalalah dengan orang-orang musyrik”, dan penggantian itu boleh dilakukan dalam bentuk kalimah, dan boleh juga dalam bentuk kata.⁵¹

Dalam meneliti arahan dalam hadis ini, sebahagian ulama *fiqh* berbeza pandangan mereka mengenai sifat mutlak arahan dalam hadis ini. Al-Suyūfī dalam tulisannya memetik daripada Ibn Ḥajar ketika memberi komentar mengenai hadis ini menyatakan bahawa:

“Kesemua lafaz (perintah) dalam hadis ini menunjukkan bahawa yang dituntut (oleh Syarak) adalah bersangatan dalam usaha menghilangkan (misai) kerana memotong rambut dan bulu sehingga sampai kepada kulit dan pemotongan (al-nahak) yang sampai adalah sehingga menghilangkannya. Ini sepertimana sabda Rasulullah SAW kepada Khafidhah Asyimi: “Janganlah kamu memotong (kesemuanya) (lā tanḥakī) dalam mengkhatakan anak perempuan”, Al-Tahawi berkata: “Aku tidak mendapati daripada al-Syafi’ī rahimahullāh pandangan sedemikian dalam penulisannya dan para pengikutnya seperti al-Muzanī dan al-Rabi’ yang mencukur (misai) dan aku tidak merasakan mereka mengambil hukum itu melainkan daripadanya (al-Syafi’ī). Abū

⁵⁰ Muslim b. al-Hajjāj al-Qusyayrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirūt: Dār Iḥyā al-Kitāb al-‘Arabiyyah, n.d.).

⁵¹ Al-Tuwayjirī, *al-Bida’ al-Hawliyah*, 453.

*Hānifah dan pengikutnya pula berpendapat bahwa mencukur adalah lebih afdal daripada memotong manakala Malik berbeza pendapat mengenainya. Berkata al-Ashram: bahawasanya Imam Ahmad mencukur misainya dengan cukuran yang bersangatan dan diriwayatkan bahawa beliau berpendapat mencukur lebih utama daripada memotong, manakala al-Nawāwī memilih untuk memotong (misai) dan beliau memotong misai beliau sehingga menampakkan hujung bibir beliau”.*⁵²

Ibn Hajar menyatakan:

*“Diriwayatkan daripada Malik daripada Zaid bin Aslam bahawasanya ‘Umar r.a apabila beliau marah, maka akan berpeluh misainya. Ini menunjukkan bahawa beliau memanjangkannya. Ketika Imām Mālik disoal sebab beliau memanjangkan misainya, beliau membacakan hadis ini. Dinyatakan oleh Ibn Daqīq daripada sebahagian ulama mazhab Hanafi yang menyatakan bahawa tidak mengapa mengekalkan misai di dalam peperangan sebarang tindakan untuk menakutkan musuh atau untuk menyamar.”*⁵³

Ini menunjukkan bahawa walaupun dalam bentuk perintah, arahan dalam hadis ini tidaklah mutlak sehinggakan sebahagian imam mazhab tidak melihat arahan mencukur atau memotong misai sebagai mutlak. Sahabat yang besar seperti Saidina ‘Umar al-Khattab r.a. tidak melakukan sedemikian. Manakala para ulama’ Hanafiyah mengaitkannya perbuatan memanjangkan misai dibenarkan disebabkan *maṣlahah* tertentu seperti ketika dalam peperangan dan penyamaran dalam waktu perang.

Sehubungan dengan itu, hari perayaan agama kaum bukan Islam pada hakikatnya adalah syiar agama mereka. Umat Islam disuruh supaya tidak meniru syiar dan budaya kaum bukan Islam. ‘*Illah* pengharaman dan larangan menyertainya adalah penyerupaan (*tasyabbuh*). Terdapat sebuah hadis Nabi SAW yang secara khusus menyentuh mengenai perkara ini.

Diriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a. bahawa ketika Rasulullah SAW sampai di Madinah, penduduk Madinah mempunyai dua hari perayaan yang mereka raikan padanya. Maka Rasulullah SAW bersabda: “*Dua perayaan apakah ini?*” Mereka menjawab: *kami bermain pada keduanya sejak dari*

⁵² ‘Abd al-Raḥman Ibn Abī Bakr Abū al-Faḍl al-Suyuṭī, *Syarḥ al-Suyuṭī li al-Sunan al-Nasā’ī*, (*taḥqīq*) ‘Abd Al-Fattah Abū Ghuddah (Halab : Maktab al-Maṭba‘ah al-Islamiyah, c. 2, 1986), i. 16.

⁵³ Aḥmad ibn ‘Alī bin Ḥajr Abū al-Faḍl al-‘Asqalānī. *Fath al-Bāri Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirūt: Dār al-Ma‘rifah, 1379H/1960M), x, 348-349.

zaman jahiliyah. Maka Rasulullah SAW bersabda: *Sesungguhnya Allah SWT telah menggantikan kamu dengan dua perayaan baharu yang lebih baik daripada keduanya iaitu hari raya Adha dan hari raya fitrah.*⁵⁴

Berhubung dengan hadis ini, Ibn Taimiyyah menyatakan: “Dan juga sabda Baginda iaitu: *‘sesungguhnya Allah SWT telah menggantikan kepada kamu’*”, ketika Baginda bertanya kepada mereka mengenai dua perayaan, maka mereka menjawab bahawa mereka menyambut keduanya pada masa jahiliyah, maka ini adalah dalil menunjukkan Baginda melarang mereka menyambutnya dengan menggantikan dengan dua hari perayaan Islam. Jika Baginda tidak bermaksud untuk melarang, sudah tentu baginda tidak perlu menawarkan perayaan alternatif yang bersesuaian dengan perayaan mereka.”⁵⁵

Sehubungan dengan itu, hari perayaan agama kaum bukan Islam pada hakikatnya adalah syiar agama mereka. Umat Islam disuruh supaya tidak meniru syiar dan budaya kaum bukan Islam. *‘Illah* pengharaman dan larangan menyertainya adalah penyerupaan (*tasyabbuh*). Memang jelas haram bagi umat Islam menyertai hari raya kaum bukan Islam, seperti memakai pakaian Santa Clause, menghiasi rumah dengan pokok Krismas, menyertai perarakan hari Thaipusam dan pesta ponggal, serta terlibat dalam pesta air ketika perayaan Songkran. Ini kerana amalan ini ada hubungan terus dengan akidah. Selain pengharaman yang berkaitan dengan upacara berbentuk keagamaan, *‘illah* pengharaman lain adalah wujudnya unsur-unsur maksiat seperti dihidangkan minuman keras, dipersembahkan nyanyian yang melalaikan dan pergaulan bebas di antara lelaki dengan perempuan.

Walaupun bagaimanapun, amalan-amalan ini diharuskan sekiranya *‘illah* pengharaman atau larangan tersebut dapat dielakkan. Keadaan ini bersesuaian dengan satu kaedah dalam *uṣūl al-fiqh*,⁵⁶ iaitu:

إن الحكم يدور مع علته لا مع حكمته وجودا وعدما

“*Sesungguhnya hukum berputar pada kewujudan dan ketiadaan ‘illah* bukannya hikmah”

Berdasarkan penghujahan tersebut, syariat Islam tidak bersikap keras dalam menangani isu-isu berhubungan dengan agama dan kaum lain. Ini kerana sebagai agama yang menjadi rahmat ke seluruh alam, ia juga mempunyai batasan tertentu yang wajar dipatuhi dan dihormati oleh umat manusia.

⁵⁴ Abū Dawūd, *Sunan Abī Dawūd*, no. hadis: 1134; *Musnad Aḥmad*, no. hadis: 12025.

⁵⁵ Ibn Taymiyyah, *Iqtidā’ Širāṭ al-Mustaḳīm*, 476-477.

⁵⁶ Wahbah al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1998), i. 651.

PRINSIP HUBUNGAN SOSIAL BERTERASKAN ISLAM

Struktur masyarakat sekarang dengan zaman Nabi SAW dan Sahabat r.a. berbeza walaupun pada jangkamasa tersebut wujud unsur keragaman dalam masyarakat di dalam masyarakat Madinah. Namun begitu, masyarakat Malaysia masa kini mempunyai struktur yang lebih kompleks dan rumit. Walaupun begitu, prinsip-prinsip hubungan sosial yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW dan Sahabat r.a. tetap unggul, namun prinsip-prinsip tersebut memerlukan pengubahsuaian yang sewajarnya selaras dengan perkembangan masyarakat masa kini.⁵⁷

Pada dasarnya, prinsip hubungan orang Islam dengan bukan Islam dalam konteks semasa di Malaysia berbeza dengan negara lain. Ini kerana hubungan yang terbentuk adalah berasaskan kontrak sosial dan jaminan perlembagaan yang telah wujud khususnya pasca kemerdekaan. Selain itu, prinsip-prinsip lain yang boleh diterapkan adalah;

1. Mematuhi dan menghormati prinsip kebebasan beragama yang mana tiada paksaan dalam agama⁵⁸ dan persetujuan untuk berbeza dalam agama.⁵⁹
2. Mengelak gejala buruk yang ditegah oleh semua agama dan etika kemanusiaan sejagat seperti ekstremisme, chauvinisme dan fanatisisme.⁶⁰
3. Sentiasa berdialog dan berinteraksi dengan pengamal agama dan budaya lain sama ada.
4. Mengelakkan cemuhan budaya serta agama lain (*cultural and religious ridicule*) dan mengelakkan perdebatan berkenaan doktrin-doktrin keagamaan yang bakal berakhir dengan kebuntuan.
5. Perlu bersikap *al-tasāmuh* (toleransi) antara penganut agama untuk mengelak sebarang konflik. Toleransi dalam pergaulan dengan golongan bukan Islam bukanlah toleransi dalam masalah-masalah keagamaan, melainkan perwujudan sikap keberagaman pemeluk suatu

⁵⁷ Ismail Ibrahim, "Pendekatan Islam ke Arah Penyelesaian Masyarakat Majmuk", dalam (Kertas kerja Seminar Kebangsaan Mengenai Perpaduan Nasional anjuran Universiti Utara Malaysia, Jitra, 1987), 12.

⁵⁸ Surah al-Baqarah 2: 256.

⁵⁹ Surah al-Kāfirūn 109: 3-6.

⁶⁰ Khairunnas Rajab & Fikri Mahmud, "Keganasan: Tela'ah Terhadap Konsep Jihad Fi Sabilillah", *Jurnal Syariah*, Jil. 18, Bil. 3 (2010), 603-628.

agama dalam pergaulan hidup antara orang yang tidak seagama dalam masalah-masalah kemasyarakatan atau kepentingan umum.⁶¹ Sikap toleransi Islam harus lebih menyeluruh sehingga dapat mengetepikan sensitiviti keagamaan dalam menghormati kebebasan beragama dan cara hidup dalam pergaulan secara umum.⁶² Tidak ada sesuatu yang boleh menghalang hubungan baik ini kecuali sikap permusuhan orang bukan Islam sendiri.⁶³

6. Memelihara kerukunan di antara penganut agama. Ia bukan bererti merelatifkan agama-agama yang ada dengan melebur kepada satu kesatuan (sinkretisme agama) melainkan sebagai cara atau sarana untuk mempertemukan, mengatur hubungan luar antara orang luar yang tidak seagama dalam proses sosial kemasyarakatan.⁶⁴
7. Mensosialisasikan semangat ajaran al-Quran dalam berhubungan dengan golongan bukan Islam, di antaranya keadilan yang menyeluruh dalam semua keadaan,⁶⁵ menunaikan janji, kontrak dan persetujuan,⁶⁶ dan menjamin perlindungan kepada orang bukan Islam.⁶⁷

Justeru itu, prinsip-prinsip tersebut perlu diambil kira dalam hubungan di antara orang Islam dengan bukan Islam di Malaysia bagi membina satu persefahaman dalam masyarakat yang beragam cara hidup, budaya dan agama. Berasaskan persefahaman yang dicapai akan lahir budaya bangsa Malaysia yang harmoni.

KESIMPULAN

Masyarakat Malaysia yang pelbagai bangsa, bahasa dan kepercayaan agama merupakan satu cabaran bersama. Setiap tahun, berbagai bentuk perayaan yang diraikan dalam suasana yang harmoni. Setiap kaum dan agama saling

⁶¹ Sahibi Naim, *Kerukunan Antara Umat Beragama* (Jakarta : PT. Gunung Agung, 1983), 60.

⁶² Mahmood Zuhdi Ab. Majid, "Pemerintahan Dalam Masyarakat Majmuk : Huraian Berasaskan al-Quran dan al-Sunnah" dalam Abdul Monir Yaacob (ed.), *Prinsip-prinsip Pemerintahan Dalam Masyarakat Majmuk* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1999), 33.

⁶³ Surah al-Mumtahanah 60: 8-9.

⁶⁴ Sahibi, *Kerukunan*, 53.

⁶⁵ Surah al-Mā'idah 5: 9.

⁶⁶ Surah al-Mā'idah 5: 1.

⁶⁷ Surah al-Tawbah 9: 6.

hormat-menghormati antara satu sama lain. Langkah memperkenalkan rumah terbuka, kongsi raya, ziarah menziarahi antara amalan positif yang mewarnai masyarakat Malaysia. Sebaliknya, amalan mengunjungi rumah ibadat orang bukan Islam di musim perayaan dan turut serta dalam amalan perayaan mereka adalah perbuatan perlu dihindari. Ini disebabkan ia merupakan perbuatan yang menyerupai (*tasyabbuh*) dengan orang bukan Islam. Ia dilarang dengan tegas dalam Islam kerana implikasinya boleh menyebabkan tergelincirnya akidah seseorang. Sikap “*al-ta`āruf*” (saling mengenali) dan “*al-tasāmuh*” (saling bertoleransi) dengan orang bukan Islam perlu berlandaskan syariat Islam. Ia tidak boleh melampaui batasan yang ditetapkan. Dengan berpegang kepada prinsip *ta`āruf* dan *tasāmuh* ini, tidak bermakna kita perlu melahirkan satu bentuk masyarakat yang homogen atau serupa, sebaliknya tiapnyanya wajar kekal mengamalkan amalan masing-masing dalam batasan yang dibenarkan, tanpa mengganggu-gugat amalan kaum dan agama lain. Pendek kata umat Islam perlu ada elemen *al-tamayyuz* (perbezaan) yang menjadi jati diri dalam membezakan mereka dengan orang bukan Islam. Justeru, gabungan antara *al-ta`āruf* dan *al-tasāmuh* serta hasilnya *al-tasyabbuh* wajib dihindari, manakala gabungan antara *al-ta`āruf* dan *al-tasāmuh* serta hasilnya *al-tamayyuz* wajar dikekalkan oleh umat Islam dalam berhubungan dengan orang bukan Islam dalam konteks Malaysia bagi mengelakkan larangan syariat Islam.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Raḥman ‘Abd al-Jabbār, *Muhadhdhab Iqtida’ al-Ṣirāt al-Mustaqīm Mukhalafah Ashāb al-Jahīm* (‘Amman: Dār al-Bashīr, 1996).
- Abdul Azis Dahlan, *Ensiklopedia Hukum Islam* (Jakarta: PT Intermedia, 3 vols., 2006).
- Abraham, C.E.R., *Divide and Rule: The Roots of Race Relations in Malaysia* (Kuala Lumpur: Institute for Social Analysis (INSAN), 1997).
- Agus Hakim, *Perbandingan Agama* (Bandung: Penerbit Diponegoro, 1990).
- Ahmad Faris, *Mu‘jam Maqāyis al-Lughah* (Beirut: Dār al-Jayl, 3 vols., 1411).
- Alwi Shihab, *Islam Inklusif: Menuju Sikap Terbuka Dalam Beragama* (Bandung: Penerbit Mizan, 1998).
- Al-‘Abbad, ‘Abd al-Muhsin. *Syarah Sunan Abī Dawūd* (n.p., n.d.).
- Al-‘Asqalanī, Aḥmad ibn ‘Alī bin Hajr Abū al-Faḍl, *Fath al-Barī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukharī* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1379H/1960M).
- Al-Ghamidī, ‘Abd Allah al-Sa’dī, *Tahzīr al-Muslimīn min al-Tasyabbuh bil Maghdu bi ‘alaihim wa la al-Dallīn* (al-Kitabiyat al-Islamiyyah, n.d.).

- Al-Ghazī, Muḥammad b. Muḥammad, *Husn al-Tanabbuh Lima Warada fī al-Tasyabbuh* (t.t.p: t.p., n.d., Manuskrip).
- Al-Luwayhiq, Jamil Habib, *al-Tasyabbuh al-Munhi ‘anhu fī al-Fiqh al-Islāmī* (Umm al-Qurā: Wizarah Ta’lim ‘Alī, 1417).
- Al-Mu’jam al-Mujiz* (Mesir: al-Majma’ al-Lughatul ‘Arabiyyah, 2002).
- Al-Munawi, Muhammad ‘Abd al-Ra’uf, *Faidh al-Qadir syarh Jami’ al-Saghir* (Beirut: Dār al-Ma’rifah, 1408).
- Al-Qusyayry, Muslim b. al-Hajjaj, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār Iḥyā al-Kitab al-‘Arabiyyah, n.d.).
- Al-Sajistanī, Abī Dawūd Sulaiman b. al-Asy’ath, *Sunan Abī Dawūd* (‘Amman: Bait al-Afkar al-Duwaliyah, n.d.).
- Al-Suyūṭī, ‘Abd al-Raḥman Ibn Abī Bakr Abū al-Faḍl, *Syarah al-Suyūṭī li al-Sunan al-Nasā’ī*, (taḥqīq) ‘Abd al-Fattaḥ Abū Ghuddah (Halab: Maktab al-Maṭba‘ah al-Islāmiyah, c.2, 1986).
- Al-Tuwayjirī, ‘Abd Allah bin ‘Abd al-‘Azīz, *al-Bida’ al-Ḥawliyah*, (terj.) Munirul Abidin (Jakarta: Darul Falah, 2000).
- Al-Zuhaylī, Wahbah, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1 vol., 1998).
- Bakry, K.H.H., *Jesus Christ in the Quran, Muhammad in the Bible* (Kuala Lumpur: S.A. Majeed, 1990).
- Caldwell, M., “The British Forward Movement 1874-1914”, dalam Mohamed Amin & Malcolm Caldwell (eds.), *Malaya: The Making of a New Colony* (Nottingham: Spokesman Books, 1977).
- Freedman, M., “The Growth of a Plural Society in Malaya” dalam *Pacific Affairs* (Canada, vol. 33, 1960).
- Furnivall, J.S., *Netherlands India : A Study of Plural Economy* (Cambridge: Cambridge University Press, 1967).
- Gomez, E.T. “Tracing the Ethnic Divide: Race, Rights and Redistribution in Malaysia”, dalam Joanna Pfaf-Czarnecka *et al.* (eds.), *Ethnic Futures: The State and Identity Politics in Asia* (London: Sage Publications, 2000).
- H. Abuddin Nata, *Peta Keragaman Pemikiran Islam di Indonesia* (Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, 2001).
- Hashim Musa, “Strategi Membangunkan Peradaban Malaysia: Perspektif Peradaban Islam-Melayu”, (Kertas kerja Seminar Nilai-nilai Peradaban dan Wawasan 2020 anjuran Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002).

- Hussin Mutalib, *Islam and Ethnicity in Malay Politics* (Singapore: Oxford University Press, 1990).
- Hussin Mutalib, *Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State* (Singapura: Singapore University Press, 1993).
- Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arāb* (Beirūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 7 vols., 1999).
- Ibn Taymiyyah, *Iqtida’ al-Sirāt al-Mustaqim Mukhalafah Aṣḥāb al-Jahīm* (Riyāḍ: Dār Isbiliya, 1998).
- Ismail Ibrahim, “Pendekatan Islam ke Arah Penyelesaian Masyarakat Majmuk”, dalam (Kertas kerja Seminar Kebangsaan Mengenai Perpaduan Nasional anjuran Universiti Utara Malaysia, Jitra, 1987).
- Khairunnas Rajab & Fikri Mahmud, “Keganasan: Tela’ah Terhadap Konsep Jihad Fī Sabīlillah”, *Jurnal Syariah*, 18 (3), 2010: 603-628.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid, “Pemerintahan Dalam Masyarakat Majmuk : Huraian Berasaskan al-Quran dan al-Sunnah” dalam Abdul Monir Yaacob (ed.), *Prinsip-prinsip Pemerintahan Dalam Masyarakat Majmuk* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1999).
- Mc Gee, T.G., “Population: A Preliminary Analysis”, dalam Wang Gungwu (ed.), *Malaysia: A Survey*. (London : Frederick A. Praeger, 1965).
- Mehden, F.R. Von Der, “Malaysia : Islam and Multi Ethnic Politics”, dalam John L. Esposito, J. (ed.), *Islam in Asia : Religion, Politics and Society* (New York: Oxford University Press, 1987).
- Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. “Interaction of Plural Society in Malaysia: Diatribe or Dialogue”, *World Journal of Islamic History and Civilization*, 2 (1), 2012: 53-57.
- Muḥammad Abd al-Wahhab, *Masa’il al-Jahiliyyah al-Latī Khalāfa Rasūlillah Ahl al-Jahiliyyah* (Kaherah: Maktabah al-Salafiyah, 1397).
- Muḥammad Ismail, *Subul al- Salām Syarh Bulugh al-Maram* (Lubnan: Beirūt, vol. 4, 2002).
- Phil Scanton, Jr., *Southeast Asia : A Cultural Study Through Celebration* (Northern De Kalb: Illinois University for Southeast Asia Studies, 1985).
- Rabushka, A., *Race and Politics in Urban Malaya* (California: Hoover Institution Press, 1973).
- Ryan, N. J., *The Cultural Heritage of Malaya* (Kuala Lumpur: Longman, 1975).

- Sadayandy, B., *A Malaysian Theology of Muhibbah: A Theology for a Christian Witnessing in Malaysia*. (Kuala Lumpur: Seminari Theologi Malaysia, 1990).
- Sahibi Naim, *Kerukunan Antara Umat Beragama* (Jakarta: PT. Gunung Agung, 1983).
- Salih Fawzan, *Aqidah Tawhid* (Riyāḍ: Dār al-Qasim, n.d.).
- Sidi Gazalba, *Maut, Batas Kebudayaan dan Agama* (Jakarta: Tintamas, 1972).
- Siti Rahmah Idris & Fatimah Az-Zahra, *Orang India* (Petaling Jaya: Penerbit Pinang, 1996).
- Yousif, A.F., *Religious Freedom, Minorities and Islam: An Inquiry into the Malaysian Experience* (Batu Caves: Thinker's Library, 1998).
- Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Hukum Penyerupaan menurut Islam* (Kajang: Darul Fuqaha, 2005).